



26 AUG, 2025

Tangguh pengajian demi bantu Malaysia ke LA28



Harian Metro, Malaysia

Kuala Lumpur: Tonggak hoki negara, Syed Syafiq Syed Cholan mengambil keputusan untuk menanggung pengajian peringkat Sarjana demi membantu Malaysia layak ke Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Bagi Syed Syafiq, ketika ini skuad Speedy Tigers bakal menghadapi beberapa kejohanan penting dalam usaha layak ke temasya utama dunia dan melihat pasukan memerlukan khidmatnya di atas padang untuk membantu mencapai sasaran itu.

Menurutnya, setiap kejohanan mempunyai tempoh tertentu dan setiap negara perlu melalui pertandingan berkenaan untuk mendapatkan tiket yang diawarkan termasuk ke LA28.

Tangguh pengajian demi bantu Malaysia ke LA28

"Untuk pencapaian (pertandingan), kita ada tempoh (kelayakan) dia. Untuk 2026, kita nak layak ke LA28 dan kita perlu fokus mengikut kepentingan semasa. Untuk sambung belajar, bila saya tamat karier nanti, boleh lagi sambung."

"Tetapi buat masa ini, saya tidak boleh melepaskan peluang itu kerana ini adalah waktu terbaik untuk saya membantu pasukan," katanya.

Selain itu, pakar pukulan sudut penalti negara itu menyatakan dirinya pernah cuba untuk menyambung belajar tetapi menghadapi beberapa kesukaran dan disebabkan itu, dia

perlu membuat keputusan terbaik supaya tidak menjaskan mana-mana piakah.

"Sekarang saya bekerja dengan TNB (Tenaga Nasional Berhad). Saya cuba sebenarnya untuk memberi fokus kepada tiga perkara ini iaitu bekerja, sambung belajar dan menjadi atlet negara.

"Tapi saya tidak boleh dan terpaksa fokus kepada kerja dan latihan dahulu. Sebab saya nampak pasukan ini perlukan bantuan dan saya kena berikan yang terbaik. Sekarang kita akan fokus kepada saingan Piala Asia dan Sukan Asia," kata Syed Syafiq yang kini ma-

1 mengikuti jurusan Pendirian Perniagaan (MBA) Universiti Putra Malaysia.

Tahun depan skuad bimbingan Sarjit Singh bakal enghadapi beberapa perundingan penting seperti ala Dunia dan Sukan Asia yang menawarkan tiket ters ke LA28.

**"Tetapi buat masa ini,
saya tidak boleh
nelepaskan peluang itu
kerana ini adalah waktu
terbaik untuk saya
membantu pasukan"**

Syed Syafiq

